

ANALISIS DOKUMEN ELEMEN KEWANGAN DAN KEUSAHAWANAN DALAM BUKU TEKS BAHASA INGGERIS

DOCUMENT ANALYSIS OF FINANCIAL AND ENTREPRENEURIAL ELEMENTS IN ENGLISH TEXTBOOKS TITLE

Nik Zatul-Iffah bt N Mohd Nabil¹

¹SK Jalan Enam, Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia, (E-mail: khaiffah@gmail.com)

Article history

Received date : 19-11-2020
Revised date : 20-11-2020
Accepted date : 27-12-2020
Published date : 29-12-2020

To cite this document:

Zatul (2020). Analisis Dokumen Elemen Kewangan dan Keusahawanan Dalam Buku Teks Bahasa Inggeris. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 3(9), 73 - 86.

Abstrak: *Kewangan dan keusahawanan merupakan elemen penting dalam menguruskan kewangan bagi menjamin kesejahteraan hidup. Kurangnya pengetahuan tentang elemen kewangan dan keusahawanan menyebabkan berlakunya kegagalan menguruskan sumber kewangan dengan cekap dan bijaksana. Kajian kualitatif ini mengkaji elemen-elemen kewangan dan keusahawanan dalam buku teks Bahasa Inggeris Tahun 5 dan Tahun 6. Pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen untuk meninjau sejauh manakah buku teks Bahasa Inggeris ini mengandungi elemen-elemen kewangan dan keusahawanan seperti wang, akaun bank, simpanan, pelaburan dan sebagainya. Senarai semak digunakan sebagai teknik pengumpulan data dan analisis data. Hasil dapatan kajian menunjukkan sebanyak 32 frasa terdapat di dalam buku teks Bahasa Inggeris Tahun 5 dan Tahun 6. Elemen-elemen kewangan dan keusahawanan telah pun dimasukkan dalam buku teks tersebut seperti wang, simpanan, menabung, keperluan, kehendak, akaun bank, pendapatan, perbelanjaan dan sebagainya. Asas kewangan ini diterapkan dan dididik sejak di sekolah rendah lagi agar mampu menghasilkan murid yang celik kewangan dan bijak berbelanja.*

Kata Kunci: *Pendidikan Kewangan, Keusahawanan, Wang, Simpanan, Buku Teks Bahasa Inggeris*

Abstract: *Finance and entrepreneurship are important elements in managing finances to ensure the well-being of life. Lack of knowledge in the financial and entrepreneurial elements has led to the failure to manage financial resources efficiently and wisely. This qualitative study examines the financial and entrepreneurial elements in Year 5 and Year 6 English textbooks. The researcher uses document analysis methods to review the extent to which English textbook contains financial and entrepreneurial elements such as money, bank accounts, savings, investment and others. Checklists are used as data collection and data analysis techniques. The results of the study show that a total of 32 phrases are found in English Year 5 and Year 6 textbooks. Elements of finance and entrepreneurship have been included in the textbook such as money, savings, saving, needs, wants, bank accounts, income, expenses etc. This financial*

foundation is applied and educated since primary school in order to produce students who are financially literate and spend wisely.

Keywords: *Financial Education, Entrepreneur, Money, Saving, English Textbook*

Pengenalan

Literasi kewangan dan keusahawanan adalah pengetahuan penting bagi semua tidak kira dewasa, remaja, murid mahupun kanak-kanak. Dalam analisis yang dikeluarkan oleh OECD (2020), *Sustainable Development Goal* (SDG) semakin berfokus kepada intervensi keusahawanan untuk menyokong belia yang bercita-cita tinggi untuk memulakan perniagaan mereka sendiri dan menjana peluang pekerjaan untuk diri mereka sendiri dan orang lain. Pada masa kini, bidang pendidikan memberi penekanan terhadap ilmu kewangan dan keusahawanan bagi memperkembangkan industri perniagaan dan juga meningkatkan keusahawanan (Ishak et al. 2020).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah pun membudayakan aspek kewangan dan keusahawanan di Malaysia bermula dari peringkat sekolah lagi (Hussin dan Rosli 2019). Unsur kewangan dan keusahawanan telah diterapkan pada peringkat sekolah rendah iaitu dalam subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Rekabentuk dan Teknologi dan terus dimantapkan lagi pada peringkat sekolah menengah rendah iaitu subjek Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB). Ia kemudiannya digantikan dengan subjek Rekabentuk Teknologi pada tahun 2014 yang bermula pada peringkat sekolah rendah. Pada peringkat menengah atas, kesinambungan bagi subjek ini dapat dilihat dalam subjek pengkhususan iaitu subjek elektif seperti Perdagangan, Perniagaan, Ekonomi Asas dan Prinsip Perakaunan.

Dalam bidang ko-kurikulum pula, kewangan dan keusahawanan disemai melalui kelab dan persatuan seperti Kelab Keusahawanan dan Kelab Koperasi sekolah di peringkat menengah dan juga di peringkat rendah bagi murid tahap 2 iaitu Tahun 4, 5 dan 6. Ini jelas menunjukkan bahawa penerapan nilai dan unsur kewangan dan keusahawanan telah wujud semenjak peringkat sekolah lagi.

Di peringkat pengajian pula termasuklah prasekolah, sekolah rendah atau sekolah menengah menggunakan buku teks sebagai bahan asas dalam pembelajaran di pelbagai bidang dalam sistem pendidikan. Berdasarkan Dasar Pendidikan Kebangsaan (2012), buku teks telah diperakui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan salah satu sumber utama PdP yang disediakan berasaskan Dokumen Standard Kurikulum (DSK) bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Bahasa Inggeris adalah bahasa kedua yang digunakan di semua sekolah rendah dan menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia 2015) dan juga sesetengah universiti tempatan. Kurikulum Bahasa Inggeris untuk sekolah rendah bertujuan untuk melengkapkan murid dengan kemahiran bahasa asas untuk membolehkan mereka berkomunikasi dengan berkesan dalam pelbagai konteks yang sesuai dengan tahap perkembangan murid (Kementerian Pendidikan Malaysia 2015). Buku teks Bahasa Inggeris adalah sumber PdP Bahasa Inggeris yang sangat penting dan dominan kerana kandungan buku teks disusun dan dibuat semakan untuk memudahkan proses PdP.

Pernyataan Masalah

Kajian terkini oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) dan Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mempunyai pengetahuan kewangan yang rendah serta lebih cenderung untuk mengurus keperluan semasa tanpa berpandangan jauh dalam mengurus kewangan peribadi (Strategi Literasi Kewangan 2019). Ini menunjukkan pengetahuan kewangan rakyat Malaysia masih rendah dan memerlukan penerapan elemen-elemen kewangan dalam pendidikan sejak kecil lagi. Kurangnya tahap literasi kewangan boleh menyebabkan pengurusan kewangan yang kurang baik kerana tiada pengetahuan dalam menguruskan kewangan peribadi (Seman dan Ahmad 2017; Othman, Abdul Rahim dan Sabri 2015). Majoriti penduduk Malaysia tidak mengamalkan pelan belanjawan yang betul. Bagi meningkatkan tahap literasi kewangan, Bank Negara Malaysia (BNM) memutuskan untuk membina program keupayaan kewangan (*Financial Capability Program*) bagi semua peringkat umur.

Terdapat juga faktor-faktor lain yang mempengaruhi tahap literasi kewangan murid meskipun pendidikan kewangan di sekolah diterapkan melalui kurikulum. Menurut OECD (2020), pengetahuan dan pengalaman membeli belah dalam kehidupan seharian, latar belakang keluarga seperti tahap pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa dan juga pendapatan keluarga amat mempengaruhi tahap literasi kewangan dan keusahawanan seseorang murid tidak kira samada sekolah menengah atau rendah. Kanak-kanak belajar tentang kewangan daripada ibubapa melalui arahan, penyertaan, nasihat dan melalui pemerhatian kanak-kanak terhadap ibu bapanya. Kemahiran pengurusan kewangan menjadi kriteria utama yang dapat dimanfaatkan apabila dewasa kelak kerana golongan muda kebiasaannya akan menampung perbelanjaan sendiri apabila meningkat dewasa (Ali 2018). Dalam kajian Zuraidah et al. (2019) terhadap 423 murid fakir miskin sekolah rendah dan menengah di Selangor, faktor ibu bapa dan keluarga, faktor guru dan sekolah, faktor persekitaran dan rakan sebaya dan faktor ketahanan diri berada di tahap sederhana dalam mempengaruhi tahap literasi kewangan dan keusahawanan. Maka, adalah penting setiap individu terutamanya murid mempunyai pengetahuan untuk menguruskan sumber kewangan bagi membolehkan mereka sentiasa berada dalam keadaan mencukupi walaupun mempunyai pendapatan dalam kategori B40 (Hassan et al. 2019).

Oleh yang demikian, pendidikan kewangan di sekolah-sekolah dan program-program keupayaan kewangan perlu disediakan pada semua peringkat di mana murid seharusnya didedahkan dengan ilmu pengurusan kewangan (Akhsan dan Othman 2019; Hussin dan Rosli 2019). Masalah-masalah seperti ini menunjukkan bahawa pendidikan kewangan perlu diterapkan dan dimantapkan pada usia seawal di prasekolah dan juga di rumah kerana kemahiran literasi kewangan kanak-kanak turut menjamin kebahagiaan hidup mereka apabila dewasa kelak ('Alyaa et. al 2013 dan Zaifurin et al. 2016).

Di United Kingdom, pendidikan keusahawanan untuk pelajar sekolah difokuskan pada penggunaan kaedah aktif iaitu melaksanakan projek di dalam kelas dengan mempelajari keperluan dan kehendak orang (Centobelli et al. 2016; Caggiano 2015). Di Malaysia, pendidikan kewangan dan keusahawanan telah pun diterapkan dalam pelbagai subjek seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Rekabentuk dan Teknologi, Prinsip Perakaunan, Perniagaan dan seumpamanya bermula dari peringkat rendah iaitu pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan akhirnya di peringkat universiti. Oleh yang demikian, pengkaji memilih elemen-elemen literasi kewangan dan keusahawanan dalam buku teks Bahasa Inggeris meliputi Tahun 5 dan 6 kerana didapati kurangnya kajian yang khusus berkenaan dengan subjek Bahasa

Inggeris bagi menentukan tahap penguasaan literasi kewangan dan keusahawanan murid B40. Maka, kajian ini dilakukan untuk mengkaji elemen-elemen kewangan dan keusahawanan yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Inggeris bagi murid Tahap Dua iaitu Tahun 5 dan 6.

Kajian Literatur

Teori Pembelajaran Pengalaman Kolb

Teori Pembelajaran Pengalaman Kolb (Kolb Experiential Learning Theory) ialah teori yang memberi penekanan pembelajaran melalui aktiviti pembelajaran secara langsung oleh individu (Kolb 1984). Hasil daripada Teori Pembelajaran Pengalaman Kolb, pendidikan literasi kewangan dan keusahawanan boleh dipelajari secara sistematik dan berkesan melalui subjek (kurikulum) dan aktiviti di luar bilik darjah (ko-kurikulum) pada peringkat sekolah. Elemen kurikulum dapat membentuk aspek kognitif dan elemen ko-kurikulum memberi impak kepada psikomotor dan pembentukan kemahiran melalui pendedahan pengalaman ketika mencuba sesuatu (Ishak et al. 2020). Elemen literasi kewangan dan keusahawanan dapat mengukuhkan pengetahuan sedia ada murid, memupuk minat keusahawanan dan seterusnya dapat membantu meningkatkan taraf hidup murid B40 ini.

Keusahawanan

Usahawan merupakan gen ekonomi yang aktif dengan potensi untuk berkembang sebagai peristiwa penting ke arah pembangunan ekonomi (Kiyani 2017). Richard Cantillon dikenali sebagai bapa keusahawanan yang paling awal mengutarakan teori (definisi) usahawan. Beliau dikenali sebagai pengasas kepada istilah *entrepreneur* (usahawan). Sebilangan besar definisi tertumpu pada mendefinisikan keusahawanan sebagai aktiviti bebas, inisiatif, mengambil risiko, inovasi, sementara keperibadian dan penentu psikologi seseorang usahawan tidak dapat dilihat dengan baik (Kovalenko et al. 2019).

Kajian Kiyani (2017) terhadap 100 mahasiswa di Pakistan menunjukkan bahawa secara signifikannya pendidikan keusahawanan memberi impak positif pada sikap murid terhadap aktiviti keusahawanan. Setelah memperoleh pendidikan keusahawanan, pendapat mereka mengenai sifat intrinsik dan halangan ekstrinsik kepada keusahawanan telah berkurangan dan usahawan boleh dilahirkan melalui pendidikan keusahawanan. Beliau berpendapat penggubal dasar perlu mengkaji semula pembudayaan pendidikan keusahawanan di kalangan murid IPT.

Dapatan dari kajian Rahim et al. (2020), de Clercq (2019) dan Norashidah et al. (2015) membuktikan bahawa seseorang boleh dilatih untuk menjadi usahawan dan memiliki kemahiran pengurusan kewangan melalui pendekatan pendidikan keusahawanan yang bersesuaian. Ini diperkukuhkan lagi melalui hasil kajian dari (OECD 2020) bahawa laporan PISA (2018) menyatakan sebanyak 94% murid memmuridi kewangan dan keusahawanan dari ibu bapa mereka terutamanya dari negara Brazil, Bulgaria, Lithuania dan Serbia. Pendidikan keusahawanan telah dikaji oleh ramai pengkaji dari pelbagai populasi seperti belia (Hassan et al. 2019), mahasiswa (Kiyani 2017; Norizda 2018; Radin et al. 2017 dan Rahim et al. 2020), pelajar (Akhsan dan Othman 2019; Zaifurin et al. 2016) dan kanak-kanak (*Alyaa et. al 2013). Kajian lepas menunjukkan terdapat pelbagai faktor mampu memupuk minat keusahawanan dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah iaitu kewangan, personaliti, halangan, pengenalan dan norma sosial, pengetahuan dan kemahiran keusahawanan (Palimaka 2020; Akhsan dan Othman 2019 dan Magesvary et al. 2018).

Literasi Kewangan

Literasi kewangan didefinisikan sebagai kemampuan seseorang untuk memahami serta menggunakan konsep kewangan. Menurut Presidents Advisory Council on Financial Literacy (PACFL), selari dengan kajian OECD (2020), literasi kewangan adalah keupayaan individu dalam meningkatkan pemahaman serta pengetahuan mereka mengenai konsep dan produk kewangan yang terdapat di dalam pasaran bagi membentuk kesedaran individu dalam risiko kewangan dan membentuk kemahiran mereka dalam membuat keputusan yang bijak dalam kewangan peribadi untuk kesejahteraan kewangan seumur hidup.

Dengan erti kata lain, kepentingan pengetahuan mengenai literasi kewangan perlu dititikberatkan sejak kecil lagi supaya pengalaman dan pengetahuan individu tentang kewangan dapat membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup di masa hadapan dan meningkatkan literasi kewangan mereka (Hussin dan Rosli 2019). Ini selari dengan Teori Pembelajaran dan Pengalaman Kolb iaitu pembelajaran berasaskan pengalaman di mana telah menggabungkan pembelajaran yang holistik kerana mengintegrasikan elemen pengalaman, kognitif dan tingkahlaku secara serentak (Kolb 1984). Pendidikan kewangan dan keusahawanan ini boleh dipelajari secara berkesan melalui mata pelajaran yang ditawarkan (kurikulum) dan aktiviti di luar bilik darjah (ko-kurikulum) di peringkat sekolah (Ishak et al. 2020).

Pendidikan Kewangan

Dalam Panduan Pelaksanaan Pendidikan Kewangan (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2016), pendidikan kewangan bertujuan melahirkan murid celik kewangan yang mampu menguruskan kewangan secara sistematik dan bijaksana. Antara objektif pendidikan kewangan ialah a) menjelaskan wang sebagai alat pertukaran dalam transaksi dan menghubungkait antara pendidikan, pendapatan, kerjaya dan potensi pendapatan peribadi b) membuat keputusan kewangan peribadi secara cekap dan bijaksana berdasarkan maklumat daripada sumber yang boleh dipercayai c) meningkatkan keupayaan dan kemahiran merancang dan mengurus wang secara cekap dengan menetapkan matlamat kewangan dan merancang perbelanjaan d) meningkatkan keupayaan dan kemahiran untuk merancang dan mencapai matlamat jangka panjang berkenaan dengan simpanan dan pelaburan bagi membina jaminan kewangan dan kekayaan e) meningkatkan keupayaan dan kemahiran untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi tentang hutang yang ditanggung dan dapat mengekalkan kepercayaan kredit f) meningkatkan keupayaan dan kemahiran untuk menggunakan strategi pengurusan risiko bagi meminimumkan kegagalan kewangan dan memelihara kekayaan g) menguruskan kewangan secara berhemah dan bertanggungjawab

Simpanan Dan Pelaburan

Individu akan dapat menguruskan kewangan dengan baik apabila terdapat lebih atau kekurangan kewangan mereka selepas mempelajari untuk kegunaan sendiri. Kajian Akhtar et. al (2016) mengkaji 150 wanita Pakistan mengenai hubungan antara pelaburan, pinjaman dan gadai janji (pembolehubah tidak bersandar) dan tingkahlaku kewangan peribadi yang berubah dalam sektor pendidikan, kesihatan dan perbankan. Hasil kajian mereka menunjukkan terdapat hubungan positif antara pelaburan, pinjaman dan gadai janji dengan tingkahlaku kewangan. Kajian Asebedo dan Seay (2017) melihat faktor sosio demografi, ciri-ciri kewangan dan motif simpanan akan memberi kesan kepada kepercayaan keberkesanan kewangan terhadap 847 pesara Amerika Syarikat yang berusia 50-70 tahun. Hasil kajian ini membuktikan hubungan antara kepercayaan keberkesanan kewangan dengan tingkahlaku simpanan selepas mengamalkan sistem disiplin diri adalah positif.

Dalam laporan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023, 84% rakyat Malaysia menyimpan secara tetap hanya untuk jangka masa terdekat, iaitu simpanan tersebut kebiasaannya dikeluarkan pada akhir bulan untuk menampung perbelanjaan harian. Hasil kajian mereka turut menunjukkan 1 daripada 10 rakyat Malaysia mempercayai bahawa mereka tidak berdisiplin dalam mengurus kewangan mereka dan 1 daripada 5 orang dewasa Malaysia yang bekerja tidak membuat simpanan dalam tempoh enam bulan sebelumnya. 76% rakyat Malaysia mempunyai bajet untuk berbelanja, tetapi 2 daripada 5 mendapati sukar untuk mengikutinya. 3 daripada 10 orang dewasa Malaysia yang bekerja perlu meminjam wang untuk membeli barangan keperluan asas. Ini menunjukkan pengetahuan asas kewangan seperti simpanan, pelaburan, hutang dan seumpamanya masih belum kukuh di kalangan isi rumah rakyat Malaysia.

Kesimpulannya, elemen-elemen literasi kewangan dan keusahawanan seperti simpanan, pelaburan dan seumpamanya sangat penting untuk diberi pendedahan kepada murid bagi memberi gambaran jelas tentang konsep dan ciri-ciri elemen tersebut. Ini dapat membantu murid mengetahui dan memahami lebih mendalam kepentingan elemen kewangan ini dalam membuat keputusan dan masa depan mereka.

Metodologi

Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana analisis dokumen dilakukan terhadap buku teks Bahasa Inggeris dalam mengenalpasti elemen-elemen kewangan dan keusahawanan. Fokus kajian ini adalah kepada buku teks Bahasa Inggeris sekolah rendah iaitu Tahun 5 dan 6. Data kajian diperoleh daripada senarai semak yang dilakukan terhadap elemen-elemen literasi kewangan dan keusahawanan yang terdapat di dalam buku teks tersebut.

Terdapat beberapa langkah yang digunakan dalam menganalisis dokumen buku teks Bahasa Inggeris ini. Langkah pertama adalah mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid B40 dalam memahami elemen literasi kewangan dan keusahawanan bagi menjalani kehidupan seharian. Pengkaji meneliti kajian-kajian lalu berkenaan permasalahan ini dan membuat keputusan untuk melaksanakan kajian kualitatif dalam mengenalpasti elemen-elemen kewangan dan keusahawanan murid B40 berdasarkan analisis dokumen. Langkah seterusnya ialah menganalisa dokumen iaitu buku teks. Buku teks yang dipilih adalah buku teks Bahasa Inggeris terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2014 dan 2015 yang melibatkan murid B40 Tahun 5 dan Tahun 6.

Buku teks ini pengkaji perlu baca berulang kali bagi menjalankan analisis data untuk mendapatkan gambaran keseluruhan topik yang melibatkan elemen literasi kewangan dan keusahawanan. Setiap perkataan dibaca untuk memperoleh istilah teks yang tepat bagi elemen-elemen literasi kewangan dan keusahawanan. Istilah dapatan adalah data yang dinamakan sebagai kod. Penganalisaan dilaksanakan dan dihubungkan untuk melihat kewujudan hasil yang bererti mengenai kesinambungan konsep yang terdapat dalam buku teks tersebut. Ini menunjukkan penelitian, penilaian ringan dan pentafsiran berulang kali dilakukan (Bowen 2009).

Secara lebih terperinci, dokumen standard kurikulum dan pentaksiran (DSKP) dipilih kerana mewakili tafsiran penggubal kurikulum terhadap standard kandungan dan standard

pembelajaran, buku teks pula dipilih kerana mewakili penyampaian kurikulum terhadap DSKP yang akan memberi fokus kepada topik kewangan dan keusahawanan.

Sampel

Sampel kajian ini ialah dua buah buku teks Bahasa Inggeris terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2014 dan 2015 yang melibatkan murid B40 iaitu Tahun 5 dan 6. Justifikasi pemilihan tahun 5 dan 6 adalah disebabkan pada tahun tersebut, murid telah melalui proses pembelajaran iaitu asas membaca, menulis dan mengira pada tahap satu dan juga ianya tidak melibatkan KSSR semakan. KSSR semakan melibatkan semakan kurikulum baru bagi tahun 1 hingga 4. Pemilihan buku teks juga adalah disebabkan sukatan pelajaran Pendidikan Malaysia terpusat di semua sekolah di Malaysia dan menggunakan DSKP yang telah disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) Malaysia.

Instrumen Kajian

Instrumen senarai semak digunakan dalam kajian ini. Ia dilakukan dengan mengenalpasti elemen-elemen yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Inggeris Tahun 5 dan 6 dan membuat penandaan pada borang senarai semak. Ini merupakan indikator samada elemen-elemen kewangan dan keusahawanan terdapat di dalam buku teks Bahasa Inggeris tersebut.

Proses Pengumpulan Data

Pengumpulan data kajian ini adalah melalui analisis dokumen buku teks Bahasa Inggeris Tahun 5 dan 6 yang boleh memberikan maklumat yang relevan dan tepat kepada isu dan masalah yang dikaji iaitu elemen-elemen kewangan dan keusahawanan. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada dan sukar untuk menipu.

Analisis Data

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen bagi memenuhi kehendak objektif kajian. Reka bentuk ini amat bersesuaian dengan tujuan kajian pengkaji kerana data kajian ini adalah dalam bentuk perkataan dan bukan dalam bentuk statistik atau bernombor.

Data kajian merupakan topik kajian yang berkaitan dengan elemen-elemen literasi kewangan dan keusahawanan yang terdapat dalam buku teks Bahasa Inggeris Tahun 5 dan Tahun 6 Sekolah Rendah. Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Inggeris tahun 5 dan 6, penyampaian kandungan pengajaran adalah di bawah tema-tema seperti *The World of Self, Family and Friends*, *The World of Stories* dan *The World of Knowledge*. (rujuk Rajah 3.1).

The World of Self, Family and Friends serves to increase the awareness of how pupils relate to themselves, their surroundings, family, loved ones and friends. Here, pupils relate language learning to their surroundings and environment. Topics drawn from this theme help raise pupils' awareness of the importance of self-care, care and concern for family and friends. Therefore, pupils need to be aware of the community and society around them. An integral part of this theme is the teaching and learning of social skills; an important aspect of communication.

The World of Stories introduces pupils to the wonderful and magical world of stories. Stories may range from local fables, folk tales, legends and myths to tales around the region as well as faraway lands. Through these stories, pupils are exposed to a wide range of vocabulary, sentence structures and aspects of creative writing. Moral values, knowledge, understanding and tolerance of other cultures and beliefs are imparted through these stories. These will help pupils understand different cultural beliefs and learn to live harmoniously with others.

The World of Knowledge encompasses general knowledge about the world, simple scientific and mathematical knowledge, financial literacy, environmental issues, awareness of safety and corruption and other current issues which are appropriate for primary school pupils.

Rajah 3.1: Tema-tema Pembelajaran

Sumber: DSKP Bahasa Inggeris Tahun 5 Dan Tahun 6

Input bahasa disampaikan di bawah tema ini. Bagi *The World of Self, Family and Friends*, tema ini merangkumi topik yang boleh meningkatkan kesedaran bagaimana murid memahami perkaitan dengan diri mereka sendiri, persekitaran mereka, keluarga, orang tersayang dan rakan. Murid mengaitkan pembelajaran bahasa dengan sekeliling mereka dan persekitaran. Topik yang diambil dari tema ini membantu meningkatkan kesedaran murid terutamanya murid B40 tentang pentingnya penjagaan diri, penjagaan dan keprihatinan keluarga dan rakan. Bahagian penting dari tema ini adalah pengajaran dan pembelajaran kemahiran sosial iaitu kepentingan aspek komunikasi.

The World of Stories memperkenalkan murid kepada dunia cerita yang indah dan ajaib. Cerita boleh terdiri dari cerita dongeng tempatan, cerita rakyat, legenda dan mitos sekitar wilayah ini dan juga hingga ke negeri-negeri yang jauh. Melalui cerita-cerita ini, murid didedahkan dengan pelbagai perbendaharaan kata, struktur ayat dan aspek penulisan kreatif. Ini akan membantu murid memahami kepercayaan budaya yang berbeza dan belajar untuk hidup harmoni dengan orang lain yang percaya dan berfikir secara berbeza.

The World of Knowledge merangkumi pengetahuan umum mengenai dunia dan isu-isu semasa yang sesuai untuk murid tahap ini. Bidang yang harus didedahkan kepada murid adalah pengetahuan umum, pengetahuan saintifik dan matematik, celik kewangan, isu persekitaran, kesedaran keselamatan dan rasuah. Isu semasa lain yang berkaitan dengan murid tahap ini juga harus dimasukkan. Didapati, topik yang berkaitan dengan elemen-elemen literasi kewangan dan keusahawanan adalah di bawah tema *World of Knowledge* (Ministry of Education 2017).

Dapatan Kajian

Gambaran Umum Buku Teks Bahasa Inggeris Tahun 5 dan 6

Buku teks Bahasa Inggeris Tahun 5 dan 6 adalah buku terbitan tahun 2014 dan 2015 dari Dewan Bahasa dan Pustaka. Ia dicetak di Malaysia, mempunyai ilustrasi dan gambar berwarna mengikut topik yang telah ditentukan berdasarkan DSKP. Berikut merupakan senarai semak berdasarkan topik-topik yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Inggeris Tahun 5 dan 6 seperti Jadual 4.1 dan 4.2 di bawah.

Jadual 4.1 Senarai Semak Mengikut Topik Buku Teks Tahun 6

TAHUN	UNIT	Topik	Elemen Literasi dan Kewangan
6	1	Reading A Window To The World	X
	2	Appreciating Others	X
	3	Family Ties	X
	4	Step Up!	X
	5	360	X
	6	Go Green	X
	7	Healthy and Wise	X
	8	How the Tiger Gots Its Stripes	X
	9	A Heart of Gold	X
	10	Be Aware, Take Care!	X
	11	Tailor Made	X
	12	Land of Glory	X
	13	Overcoming the Odds	X
	14	A Ringgit Saved is a Ringgit Earned	/
	15	The Obedient Son	X

*/- ada, X – tiada

Jadual 4.2 Senarai Semak Mengikut Topik Buku Teks Tahun 5

TAHUN	UNIT	Topik	Elemen Literasi dan Kewangan
5	1	Family Day	X
	2	Saving, Spending and Sharing	/
	3	Superheroes	X
	4	Malaysian Legends	X
	5	Moving Forward	X
	6	Self-Protection	X
	7	The King's Decision	X
	8	Facinating Sabah and Sarawak	X
	9	Space Exploration	X
	10	The Peach Boy	X
	11	Natural Disaster	X
	12	Unique Buildings	X
	13	Lost and Found	X
	14	Adventure Sports	X
	15	Real Life Heroes	X

*/- ada, X - tiada

Berdasarkan senarai topik yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Inggeris Tahun 5 dan 6, didapati hanya 1 topik bagi Tahun 5 dan 6 mempunyai elemen-elemen literasi kewangan dan keusahawanan. Secara amnya, senarai frasa atau perkataan yang mempunyai perkaitan dengan elemen-elemen literasi kewangan dan keusahawanan dapat dilihat dalam Jadual 4.3 di bawah dalam buku teks Bahasa Inggeris Tahun 5 dan 6.

Jadual 4.3: Senarai frasa yang mempunyai perkaitan dengan elemen-elemen Literasi Kewangan dan Keusahawanan dalam Buku Teks Bahasa Inggeris Tahun 5 dan 6

Tahun	Topik	Frasa	Muka surat
6	Unit 14 - Saving, Spending and Sharing	Earn, Money, Savings Account, Money Box, Bank, Budget, Profit, Need, Want, Spend, Save, Pocket Money, Raise Money	133-142
5	Unit 2 - A Ringgit Saved is a Ringgit Earned	Money, Saving, Spending, Earn, Bank, Saving Account, Bank Account, Money Box, Sharing, Donate, Pocker Money, Needs, Wants, Spend, Interest, Profit, Discount	11-17

Berdasarkan Jadual 4.3, didapati hanya 1 topik yang paling hampir dengan elemen-elemen literasi kewangan dan keusahawanan bagi setiap peringkat. Bagi tahun 5, ia diajar dalam unit 2, iaitu bertajuk “*Saving, Spending and Sharing*” yang melibatkan frasa *Money, Saving, Spending, Earn, Bank, Saving Account, Bank Account, Money Box, Sharing, Donate, Pocker Money, Needs, Wants, Spend, Interest, Profit dan Discount*. Bagi tahun 6 pula, ia terdapat dalam unit 14 bertajuk “*A Ringgit Saved is a Ringgit Earned*” yang melibatkan istilah ‘*Earn, Saving, Money, Savings Account, Money Box, Bank, Budget, Profit, Need, Want, Spend, Save, Pocket Money dan Raise Money*’. Ini menunjukkan frasa-frasa yang digunakan boleh dianggap kepada frasa pengenalan bagi elemen-elemen literasi kewangan dan keusahawanan.

Perbincangan

Dalam buku teks Bahasa Inggeris Tahun 5, frasa *Money, Saving, Spending, Earn, Bank, Saving Account, Bank Account, Money Box, Sharing, Donate, Pocker Money, Needs, Wants, Spend, Interest, Profit dan Discount* manakala frasa *Earn, Saving, Money, Savings Account, Money Box, Bank, Budget, Profit, Need, Want, Spend, Save, Pocket Money dan Raise Money*’ pula terdapat di dalam buku teks Tahun 6. Ini menunjukkan elemen-elemen literasi kewangan dan keusahawanan telah diterapkan di dalam pembelajaran seiring dengan DSKP Bahasa Inggeris yang mempunyai elemen keusahawanan sebagai salah satu pentaksiran pendidikan yang perlu dipelajari oleh murid terutamanya murid B40. Ia sejajar dengan hasil kajian Hassan et al. (2019) tentang pendidikan keusahawanan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia bahawa pendidikan keusahawanan ternyata menjadi fokus utama KPM dan guru disarankan untuk mempromosikan pedagogi pembelajaran keusahawanan yang menggabungkan teori di dalam kelas dan pembelajaran praktikal di luar kelas untuk mendapatkan kesan yang baik dan memperkayakan pengalaman pembelajaran. Ia adalah penting untuk menasaskan murid di sekolah dan mahasiswa di kolej untuk menyediakan mereka pengetahuan yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang baik seperti membeli kereta dan rumah, atau memulakan akaun persaraan (Lusardi 2019).

Jadual 5.1 menunjukkan elemen-elemen kewangan yang diterapkan di dalam topik “*Saving, Spending and Sharing*” untuk tahun 5 dan topik “*A Ringgit Saved is a Ringgit Earned*” untuk tahun 6. Dalam topik tahun 5, tajuk adalah berkisar tentang wang dan kelebihannya. Murid diberi perbezaan situasi tentang simpanan, perbelanjaan dan perkongsian. Kepentingan dan perbezaan antara keperluan dan kehendak juga turut diterapkan di dalam topik “*Saving,*

Spending and Sharing". Ini menunjukkan bahawa elemen-elemen kewangan telah pun dititikberatkan semasa di peringkat sekolah rendah. Ini selaras dengan hasil kajian (Rahman et al. 2017) yang menyatakan murid kini perlu bersedia dengan pengetahuan literasi kewangan yang baik dan mempunyai simpanan untuk berhadapan dengan masalah kewangan di alam pekerjaan lebih mencabar sejajar dengan peningkatan kos sara hidup yang semakin tinggi kelak.

Bagi topik Tahun 6 iaitu "*A Ringgit Saved is a Ringgit Earned*", murid diberi pendedahan tentang kepentingan menyimpan wang dan cara penyediaan akaun belanjawan (*budget account*). Di sini, murid perlu membuat perancangan untuk simpanan dan perbelanjaan berdasarkan wang yang sediada. Selain itu, dalam topik ini juga membincangkan tentang cara mendapatkan wang seperti projek membuat beg atau tempat meletak pensil dari bahan terpakai. Melalui penghasilan ini, murid dididik untuk membuat jualan dan secara tidak langsung melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan. Murid juga perlu mengetahui perbezaan kepentingan perbelanjaan atau pendapatan yang mana perlu didahulukan. Ini sejajar dengan hasil kajian Seman dan Ahmad (2017) yang menunjukkan pengetahuan berkaitan pengurusan kewangan yang baik boleh membantu seseorang murid untuk menentukan keutamaan dalam perbelanjaan mereka supaya fungsi dan kehidupan mereka sebagai murid tidak terganggu. Ini selaras dengan kehendak BPK yang berpendapat pentaksiran pendidikan bagi keusahawanan bertujuan untuk memupuk minda keusahawanan di kalangan murid-murid pada usia muda mereka sangat mustahak dalam usia yang kompetitif dan global ini (Ministry of Education 2017). Dalam DSKP, terdapat beberapa elemen yang berkaitan dengan keusahawanan adalah kreativiti, inovasi dan inisiatif, yang juga merupakan atribut untuk kepuasan diri dan kejayaan. Elemen keusahawanan digabungkan dalam pelajaran melalui aktiviti yang relevan dan bermakna.

Jadual 5.1 Analisa Keseluruhan Bagi Subtopik dan Kemahiran Berdasarkan Aspek Literasi Kewangan dan Keusahawanan

Tahun	Subtopik	Contoh Aktiviti/Tugasan Pembelajaran
5	1. Wang dan Kelebihan Wang 2. Perbezaan antara keperluan dan kehendak	Bantu Irfan membuat keputusan berkenaan dengan wangnya Apakah yang akan anda lakukan jika mempunyai RM200? Adakah belian sejambak bunga kepada ibu merupakan satu perkongsian atau perbelanjaan? Nyatakan perbezaan antara simpanan, perbelanjaan dan perkongsian Apakah yang akan anda beli dan kenapa? (persediaan perkhemahan ke Hutan Lipur Teladas) Fikirkan cara untuk mendapatkan wang bagi memenuhi keperluan dan kehendak anda
	1. Cara Membuka Akaun Simpanan 2. Hari Guru	Bagaimana cara untuk membuka akaun simpanan Senaraikan aktiviti yang boleh dilakukan untuk mendapatkan wang Bantu kelas 5 Bestari untuk membeli hadiah yang sesuai kepada guru mereka dan berikan alasan kenapa.
	1. Kepentingan Menyimpan Wang di dalam Akaun Simpanan 2. Akaun Simpanan	Faedah mempunyai akaun simpanan. Lengkapkan peta dakap Membina poster tentang faedah mempunyai akaun simpanan Bina soalan yang akan ditanya kepada pegawai bank ketika mahu membuka akaun simpanan Bantu En Sigat mengisi borang pembukaan akaun simpanan Gariskan perkataan yang mempunyai salah ejaan
	<i>Collective Noun</i>	Nyatakan penjodoh bilangan yang betul Kenalpasti penjodoh bilangan yang betul dan bina ayat.
	Sajak tentang nombor 1, 2, 3 dan seterusnya	Gantikan perkataan yang betul bagi melengkapkan sajak. Deklamasi sajak

6	1. Kepentingan Menyimpan Wang 2. Kepentingan Membuat Bajet	Apakah kepentingan menyimpan wang? Cara membuat beg atau tempat meletak pensil dengan menggunakan bahan terpakai Nyatakan amaun yang akan dibelanjakan dan disimpan selepas membuat bajet? Bagaimana pengalaman selepas membuat bajet? Mengapa membuat bajet adalah penting? Apakah kelebihan membuat perbandingan harga sebelum membuat pembelian?
	1. Kepentingan Membuka Akaun Simpanan 2. Tips Membuat Simpanan	Berapakah minimum pembukaan akaun simpanan? Apakah kepentingan membuka akaun simpanan? Apakah perbezaan keperluan dan kehendak? Lengkapkan peta pokok mengenai cara menyimpan wang
	Cara untuk Mendapatkan Wang	Nyatakan cara-cara membina tempat meletak lilin dengan menggunakan kata penghubung Buat karangan berkenaan dengan cara lain untuk mendapatkan wang bagi projek kelas Membalas email rakan dengan menyatakan cara mendapatkan wang
	<i>Compound Sentence</i>	Melengkapkan ayat dengan menggunakan kata penghubung Menulis ayat dengan menggunakan kata penghubung Kenalpasti jenis ayat Tulis ayat mudah dengan menggunakan kata penghubung tentang kelebihan dan kekurangan menyimpan wang

KESIMPULAN

Pengetahuan, kefahaman dan kesedaran tentang pengurusan literasi kewangan dan keusahawanan perlu dipupuk sejak dari peringkat kanak-kanak tadika, murid sekolah, mahasiswa pengajian tinggi, pekerja muda hinggalah kepada semua peringkat umur. Penerapan elemen-elemen kewangan ini sangat penting dimulakan sejak kecil supaya pemahaman dan tingkahlaku mereka terhadap literasi kewangan lebih positif dan sistematik dalam merancang perbelanjaan.

Dalam subjek Bahasa Inggeris topik Tahun 5 dan 6, murid telah pun diberi pendedahan tentang elemen kewangan dan keusahawanan. Pengenalan kepada wang dan kelebihannya dalam Tahun 5 adalah asas kewangan yang baik dalam menanam sikap menabung dan berbelanja secara berhemah. Kepentingan membuka akaun simpanan di bank pula merupakan pengenalan kepada elemen kewangan untuk Tahun 6. Ini menunjukkan penggubal kurikulum telah pun menerapkan dan memberi pendedahan yang baik kepada murid supaya dapat merancang belanjawan mereka secara berhemah dan sistematik.

Oleh itu, adalah diharapkan kajian ini akan dapat membantu meningkatkan pengetahuan murid terutamanya murid B40 tentang kepentingan elemen-elemen kewangan dan keusahawanan yang terdapat di dalam buku teks khususnya buku teks Bahasa Inggeris Tahun 5 dan Tahun 6. Namun, penggunaan buku teks Tahun 5 dan 6 ini hanya boleh digunakan sementara sahaja kerana mulai tahun 2021 bagi buku teks Bahasa Inggeris Tahun 5 dan tahun 2022 bagi buku teks Tahun 6 akan ditukar kepada buku Common European Framework of Reference for Languages (CEFR). Ia ditambahbaik dengan penambahan elemen lain selain enam kemahiran yang dipelajari buat masa kini.

Rujukan

- Abdul Rahim, Iklima Husna & Pawan, Marry & Abdullah, Ahmad Shakani & Toh Pei Sung, Sharon. (2020). Persepsi Pelajar Terhadap Pendidikan Keusahawanan: Kajian Terhadap Pelajar Program Keusahawanan. 4th International Conference on Social Sciences, Humanities and Technology.
- Akhsan, E.M., Othman, N. (2019). Hubungan Antara Kemahiran Keusahawanan Dengan Tekad Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Smka). *International Journal of Education, Psychology and Counseling* Volume 4, Issues 31
- Akhtar, Qurban, Ashraf, Ahmad and Ali. (2016). The Significance of Financial Self-Efficacy in Explaining Women's Personal Finance Behavior in Education Sector of Pakistan. *Irba International Review of Basic and Applied Sciences*, 4(5), 46-57.
- Ali Z. (2018). A Correlational Study on Savings, Spending, Investment and Insurance Among Students at Tertiary Levels. *The Journal of Social Sciences Research*. Special Issue. 2: 143-147.
- Sarah, Martin Seay. (2017). Financial Self-Efficacy Beliefs and the Saving Behavior of Older Pre-Retirees. *Retirement Planning & Living Research*, 2- 18.
- 'Alyaa N. Mokhtar, Fazli Sabri, Hariza A. Hashim, Husniyah A Rahim, Amin M. Othman 2013. Literasi, Sosialisasi, Tingkahlaku dan Kompetensi Kewangan dalam Tingkahlaku Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, Jilid 21 Disember
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). Kementerian Pendidikan Malaysia *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Kewangan*.
- Bowen, Glenn. (2009). Document Analysis as a Qualitative Research Method. *Qualitative Research Journal*. 9. 27-40. 10.3316/QRJ0902027.
- Caggiano, V. (2015). *Entrepreneurial education: Psychological aspects of entrepreneurship*. Roma: Anicia.
- Centobelli, P., Cerchione, R., Esposito, E., & Raffa, M. (2016). The revolution of crowdfunding in social knowledge economy: Literature review and identification of business models. *Advanced Science Letters*, 22(5-6), 1666-1669.
- de Clercq, B. (2019). "Do Our Children Know Anything about Money? An Exploratory Study." *Meditari Accountancy Research* (July): 1–13.
- Hassan, S., Noor Izyani, & Khatijah, A. (2019). Meneroka Literasi Perancangan Kewangan Belia B40 Berpandukan Pendidikan Psikososial. *Jurnal Wacana Sarjana* 3(1): 1–8.
- Hussin, N.L., & Rosli, S.L. (2019). Financial Literacy Among Students At Kuim. *Jurnal Inovasi Perniagaan*: 102–10.
- Ishak, A.R, Rusli, M. A., Othman, A. S., & Aziz, A. 2020. Literasi Kewangan Pekerja Sektor Awam : Isu dan Cabaran. *Advanced International Journal of Banking, Accounting and Finance*, 2 (3), 13-25
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Kementerian Pendidikan Malaysia. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015- 2025 (Pendidikan Tinggi)*.
- Kiyani, S.A. (2017). Role of Entrepreneurship Education on Student Attitudes. *Abasyn University Journal of Social Sciences*.
- Kolb, D, A. (1984). *Experiential Learning: Experience as the Source of Learning and Development*, David A. Kolb, Prentice-Hall International, Hemel Hempstead, Herts. 1984. No. of Pages: Xiii + 256. *Journal of Organizational Behavior*.
- Kovalenko, K.E., Utyuzh, A.S., Iusupova, I.I., Plisova, A.B., Panchenko, N.B., & Kuznetsova, N.V. (2019). Practice-Oriented Approach In Teaching Entrepreneurship. *Journal of Entrepreneurship Education*, 22(5).

- Lusardi, A. (2019). Financial Literacy and the Need for Financial Education: Evidence and Implications. *Swiss Journal of Economics and Statistics* 155(1): 1–8.
- Magesvary, R, Husaina B. K, Muhammad F. A. G (2018). Faktor Sosioekonomi Yang Mempengaruhi Kemahiran Literasi Kewangan Murid Sekolah Menengah Di [SEP] Negeri Sembilan *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, Bil 5, Isu 3
- Ministry of Education. (2017). Dokumen Standard Sekolah Rendah : Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Bahasa Inggeris SK Tahun Lima. *Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Norashidah, Hashim et al. 2015. 31 Pace Uum *Asas Keusahawanan*.
- Norizda, E.M.A, Norazman, H. Maryam, M.E, Mohd R.Y, Anis A.A.R (2018). Pendidikan Keusahawanan Di Institusi Pengajian Tinggi (Ipt) Dalam Melahirkan Usahawan Berjaya Di Malaysia. *Journal of Business Innovation Jurnal Inovasi Perniagaan Volume 3 No. 1/2018: 73-85*
- OECD. 2020. PISA 2018 Results (Volume IV): Are Students Smart about Money?, *PISA*, OECD Publishing, Paris.
- Othman, M.A, Husniyah A.R, & Fazli, S. (2015). Differences in Financial Information. *Proceedings of the Australasian Conference on Business and Social Sciences 2015*.
- Palimaka, K 2020. Financial Literacy of Students – The Case Study of UITM in Rzeszow, Poland. *Financial Internet Quarterly* Vol 16 (3).
- Radin, S.A.R.A.R, Zaidatol A.L.P, Norasmah O, Halimah H (2017). Penguasaan Kemahiran Keusahawanan Sosial Dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam Di Malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* Vol. 3: No. 7 (September 2017) page 24–31.
- Rahman, W.A.A.W.H, Faizal, M. (2017). International Conference On Global Education V ‘ Global Education , Common Wealth , and Cultural Diversity’ International Conference on Global Education V ‘ Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 2(1): 10–11.
- Seman, A.P.A, & Anuar A. (2017). Pola Perbelanjaan Dalam Kalangan Mahasiswa: Satu Kajian Perbandingan Antara IPTA Dan IPTS. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*.
- Strategi Literasi Kewangan. (2019). Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023. *Financial Education Network*.
- Zaifurin, W.M.W.N, Sa'at, Nor Hayati, Ahmad, Sabri, Mamat, Ibrahim. Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Negeri Terengganu. *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal Of Education)*, [S.L.], P. 87-98, May 2016.
- Zuraidah A., Siti Nafisah I., M Shahril N.S., M Faizal A.G. (2019). Pengaruh Pembelajaran Akademik Anak-Anak Keluarga Fakir Miskin di Sekolah-Sekolah Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* Bil 6, Isu 2.